

# BN bawa era baru di Sabah: Mahathir

22 MAR 1994

Oleh Lichong Angkui

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, penubuhan Kerajaan Barisan Nasional (BN) di Sabah akan membawa era baru kepada rakyat dan negeri itu serta memulihkan hubungan negeri-Persekutuan.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri menegaskan segala janji BN yang terkandung dalam manifesto pilihan raya negeri lalu, tetap ditunaikan.

Ini, katanya, termasuk soal perlantikan Ketua Menteri yang akan disandang secara bergilir setiap dua tahun oleh tiga kaum terbesar di Sabah dan daripada kalangan pemimpin komponen BN.

Dr Mahathir berkata, perlantikan Pengerusi BN Sabah, Tan Sri Sakaran Dandai, sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru dijangka mampu membawa perubahan untuk Sabah kerana 'beliau diterima oleh semua pihak'.

"Saya berharap dengan ini (terbentuknya Kerajaan BN Sabah) akan mewujudkan satu era baru bagi rakyat dan Sabah keseluruhannya," katanya menjawab soalan pemberita selepas melancarkan buku *Pembuatan Kereta Nasional: Bukan Hanya Impian* tulisan Datuk Tharu T Tharumagnanam di sini, hari ini.

Tharumagnanam ialah Setiausaha Bersama Lembaga Pengarah Proton Berhad dan Hicom Berhad.

Khamis lalu, Kerajaan BN Sabah secara rasmi mengambil alih pemerintahan daripada Parti Bersatu Sabah (PBS) setelah sebahagian besar Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) meninggalkan PBS untuk menyokong BN.

Berikutan itu, Datuk Joseph Pairin Kitingan yang menjadi Ketua Menteri sejak 1985 terpaksa meletakkan jawatan dan memberi laluan kepada Sakaran menerajui pentadbiran.

Dalam pilihan raya negeri Februari lalu, PBS hanya memenangi 25 kawasan manakala BN Sabah menguasai 23 kerusi. PBS mula kehilangan sokongan pada 12 Mac apabila tiga daripada Adunnya — Datuk Lajim Okin (Klias), Rubin Balang (Kemabong) dan Datuk Zaini Mohd Isa (dilantik) mengumumkan keluar daripada PBS dan menyokong BN.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, Kabinet baru Kerajaan BN di Sabah yang diterajui Sakaran akan dibincang serta ditentukan pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN di sini malam esok.

Katanya, permohonan tiga parti politik baru ditubuhkan di Sabah yang berhasrat menyertai BN juga akan dibincang pada mesyuarat BN itu.

"Kita perlu tengok dan teliti, barangkali perlu kerana mungkin ada perselisihan faham (di kalangan mereka)," katanya.

Tiga parti politik itu ialah Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) pimpinan bekas Setiausaha Agung PBS, Datuk

# Barisan bawa era baru di Sabah

DARI MUKA 1

**BH** 22 MAR 1994

Joseph Kurup; Parti Demokratik Sabah (PDS) diterajui bekas Timbalan Ketua Menteri, Datuk Bernard Dompok; dan Parti Demokratik Sabah Bersatu (PDSB) pimpinan Adun kawasan Bingkor, Datuk Dr Jeffrey Kitingan.

Mengenai kenyataan Ketua Penerangan Umno Sabah, Karim Ghani, bahawa jawatan Ketua Menteri bagi kuota Kadazan iaitu Bumiputera bukan Islam (selepas kuota seka-

rang untuk Bumiputera Islam) kemungkinan datangnya daripada Umno dan tidak semestinya daripada parti lain dalam BN, Dr Mahathir berkata: "Kita tengok perkara itu apabila tiba masanya nanti".

Ditanya' mengenai penggunaan pasport bagi rakyat dari Semenanjung yang mungkin menjejaskan proses integrasi nasional, Perdana Menteri berkata, perkara itu terulang kepada rakyat di

Sabah untuk menentukannya.

Menurutnya, sememangnya kurang praktikal bagi rakyat negara ini sendiri menggunakan pasport bagi perjalanan dalam negara sendiri.

"Kita menghargai kebimbangan mereka (rakyat Sabah) dan kita akan mengambil perhatian mengenai perkara itu," katanya.

Dr Mahathir mengesahkan Sakaran sudah meletakkan jawatan sebagai

Menteri Kemajuan Tanah dan Pembangunan Koperasi dan tempatnya 'kemungkinan besar' diisi oleh pemimpin dari Sabah.

Katanya, Sakaran perlu meletakkan jawatan di peringkat Pusat bagi membolehkannya memegang jawatan sebagai Ketua Menteri.

Mengenai pilihan raya kecil DUN kawasan Lundang, Perdana Menteri yakin BN akan mencapai kemenangan.